

PERJUANGAN PADUKA MAT SALLEH MENENTANG PENJAJAH: PERJALANAN SEJARAH PENENTANGAN DAN INTERPRETASI DARI SUDUT PANDANGAN ISLAM

(Paduka Mat Salleh's Struggle Against Colonial: A Historical Struggle and Interpretation from Islamic Point of View)

Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, Baszley Bee Basrah Bee & Md. Saffie Abd. Rahim

Abstract

Mat Salleh (Paduka Muhammad Salleh Datu Balu) or Paduka Mat Salleh's struggle against the North Borneo Chartered Company (NBCC) was indeed a meaningful struggle in the history of Sabah. This was because his struggle became the inspiration to other warriors to fight against the Colonial Power. Paduka Mat Salleh can be regarded as the only Muslim warrior in Sabah who fought for the welfare and interest of the people. This study is based on historical sources and the opinion of historians about the role of Islam in shaping the idea and platform of his struggle. The analysis will touch on the extent of Paduka Mat Salleh's struggle is in line with Islam. All of these opinions are based on the Islamic worldview.

Pengenalan

Kedatangan Kuasa Barat ke Nusantara dilihat telah menyebabkan pelbagai penentangan masyarakat peribumi yang mendiami wilayah tersebut. Malahan pelbagai catatan sejarah bersabit penentangan warga peribumi ini telah dijadikan sumber patriotisme yang tidak ternilai harganya. Di Kepulauan Borneo, khususnya di Sabah, telah menyaksikan pelbagai penentangan terhadap pentadbiran British yang diwakili oleh British North Borneo Chartered Company atau Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) yang telah bertapak pada abad ke 18 Masihi. Penentangan tersebut dipelopori oleh pemerintah-pemerintah feudal sama ada dalam kalangan para sultan, pembesar-pembesar tempatan, ketua-ketua suku dan pengikut dari kalangan pelbagai bangsa di Sabah. Ianya berpunca dari perasaan tidak puas hati khususnya terhadap nilai-nilai Barat yang dianggap "pengacau" terhadap kerukunan kehidupan yang sekian lama telah dilingkungi oleh nilai agama Islam dan adat istiadat yang telah sebatи dalam diri masyarakat dewasa itu. Nilai-nilai Barat yang cukup asing bagi warga peribumi ini telah dijadikan sebagai polisi pentadbiran pihak SBBUB yang secara langsung memaksa warga peribumi untuk menerimanya.

Sememangnya sukar menafikan faktor agama Islam menjadi salah satu sumber pencetus kebangkitan perjuangan penentangan masyarakat peribumi Sabah terhadap penjajahan Kuasa Barat khususnya di kalangan para pahlawan yang beragama Islam seperti Datu Tating, Syerif Usman, Pengiran Usop, Haji Saman, Datu Paduka Muhamad Salleh, Pak Musa, Embo' Ali dan lain-lain. Islam adalah sebagai agama yang merencanakan sistem kehidupan umatnya yang dianggap sebagai "*The Way of Life*" dalam pelbagai aspek, walaupun dari sudah perlaksanaannya kurang sempurna, namun penghormatan mereka terhadap nilai dan ajarannya cukup tinggi. Hal yang sedemikian telah mewujudkan reaksi yang spontan dari penganutnya terhadap unsur-unsur luar yang mengganggu nilai-nilai murni yang sedia ada di dalam agama Islam. Walaupun Islam tidak sepenuhnya mengubah alam pemikiran semesta (*woldview*) masyarakat peribumi Islam di Sabah ketika itu (yang juga sebatи mengamalkan adat istiadat mereka), namun, secara beransur-ansur agama Islam telah menjawai kehidupan mereka terutama yang menyentuh persoalan aqidah. Manakala pihak SBBUB yang dikenali oleh warga tempatan sebagai penjajah, tidak dapat memisahkan diri mereka dari budaya Barat dan cuba menerapkannya ke dalam kehidupan masyarakat tempatan. Tujuan "*Gospel, Gold and Glory*" harus tidak dikesampingkan dalam memperkatakan aktiviti penjajahan mereka.

Kedatangan Islam di Nusantara telah berlaku sejak berkurun lamanya. Di Sabah, catatan terawal kedatangan Islam direkodkan (manuskrip dalam bahasa Idahan) ialah pada sekitar tahun 1408 Masihi apabila seorang warga tempatan bernama Abdullah telah memeluk Islam oleh seorang makhdum di Teluk Darvel, Lahad Datu.¹ Kekuasaan kesultanan Islam Brunei di sebelah Pantai Barat dan Kesultanan Sulu di sebelah Pantai Timur Sabah merancakkan lagi penyebaran Islam di Sabah. Selain dari kedua-dua kesultanan ini, terdapat juga kawasan "bebas" yang berada di bawah kekuasaan Syerif dan ketua-ketua suku kaum yang lain.

Dalam konteks politik Sabah ketika itu, secara umumnya sistem politik peribumi Sabah dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sistem politik kesukuan, sistem politik kesultanan dan ketua bebas.² Wilayah-wilayah yang dikuasai oleh para pemimpin adalah dianggap mewakili sebuah negeri yang mempunyai struktur politik tradisional yang lengkap sama ada dari politik, perekonomian, perundangan dan sosial. Wilayah-wilayah ini harus dipertahankan dari sebarang serangan luar yang boleh menggugat keamanan. Pertapakan agama Islam yang berlaku sejak sekian lama ini telah mengubah sistem kehidupan terutamanya sistem beragama penduduk peribumi. Rata-ratanya penduduk Sabah (sebelum kedatangan SBBUB) yang berbangsa Bajau, Brunei, Irranun, Suluks, Idahan dan Bisaya adalah beragama Islam. Manakala penduduk lain seperti Kadazan/Dusun, Murut dan lain-lain mengamalkan sistem beragama pagan yang berpegang teguh kepada adat istiadat masing-masing.³


Kertas kerja ini cuba memfokuskan persoalan perjuangan dan kepimpinan Paduka Mat Salleh menentang pihak SBBUB bersama para pengikutnya dari pandangan alam Islam (*Islamic Woldview*). Ianya berlegar dengan persoalan peranan agama Islam sebagai salah satu unsur pencetus kebangkitan beliau terhadap pihak SBBUB. Kebangkitan ini, sebagaimana juga kebangkitan di wilayah dan tempat yang lain, khususnya di Nusantara, dilihat sebagai reaksi kepada pihak SBBUB yang ingin menerapkan nilai-nilai Barat sama ada di dalam aspek agama, ekonomi, adat, sosial dan politik. Bagi pandangan penulis, pendekatan analisis dan kritikan terhadap sumber-sumber Barat yang bersifat *Western Centric* (pandangan Barat)

yang mendominasi sumber-sumber sejarah ketika pemerintahan SBBUB, perlu diseimbangkan dengan pandangan *Malaysian Centric* (pandangan Malaysia).

Latar Belakang Datu Paduka Muhamad Salleh

Datu Muhamad Salleh bin Datu Balu yang lebih dikenali sebagai Paduka Mat Salleh merupakan wira yang unggul dalam sejarah penentangan penjajahan British di Borneo Utara. Beliau bukanlah orang yang pertama dan terakhir dalam siri perjuangan rakyat Sabah. Namun demikian, sejarah perjuangannya telah meletakkan beliau sebagai tokoh teratas dalam senarai anak watan Sabah yang mempertahankan kedaulatan dan hak pemerintahan yang telah diserahkan oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu kepada British agar tidak dieksploritasi sewenang-wenangnya. Paduka Mat Salleh adalah berdarah campuran iaitu etnik Suluk di sebelah pihak ayahnya yang berasal dari Sungai Sugut dan ibunya berketurunan Bajau Inanam.⁴ Kepahlawanan Paduka Mat Salleh telah menjadi ikon kepada etnik-etnik lain di Sabah. Ini dibuktikan berdasarkan kepelbagai etnik para pengikutnya yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Bajau, Brunei, Dusun, Murut, Irranun, Paitan dan Sungai. Justeru, Paduka Mat Salleh amat digeruni oleh British dan SBBUB khususnya. Karisma kepimpinan beliau amat dikagumi oleh penduduk tempatan tetapi dicemburui oleh British. Tambahan pula beliau adalah beragama Islam.

Gambar 1: Datu Paduka Mat Salleh Menurut Gambaran Pelukis



Sumber: Ehsan Jabatan Arkib Negeri Sabah

Paduka Mat Salleh mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertama dikenali sebagai Dayang Bandang yang merupakan anak saudara kepada Sultan Jamalul

Kiram, Sultan Sulu.⁵ Isteri kedua ialah seorang wanita Paitan bernama Aishah. Mereka mempunyai dua orang anak lelaki iaitu Ahmad dan Kapayan dan seorang anak perempuan iaitu Anang. Manakala Isteri Paduka Mat Salleh yang ketiga dikenali sebagai Sitimah, seorang gadis Dusun. Hasil perkahwinan ketiga, mereka dikurniakan dua orang anak lelaki iaitu Palalun dan Tagaas.⁶

Persoalan berkaitan dengan latar belakang keturunan Paduka Mat Salleh tidak mempunyai pandangan yang muktamad. Para sejarawan serta sumber-sumber yang diperoleh menunjukkan perbezaan pandangan yang sukar untuk mencari persamaan antaranya. Namun, dapatlah disimpulkan bahawa Paduka Mat Salleh berketurunan daripada sebuah keluarga yang berpengaruh yang menjadi ketua tempatan di Sabah.

Perjuangan Datu Paduka Muhamad Salleh

Nama Paduka Mat Salleh mula muncul dalam lipatan sejarah Sabah apabila beliau dituduh mengarahkan pembunuhan dua orang Iban yang merupakan ejen SBBUB pada tahun 1894 di Pulau Jambongan.⁷ Kemunculan awalnya hanya dianggap sebagai pengacau kepada pengukuhan kuasa British di Borneo Utara. Justeru itu, sebarang tindakan beliau yang cuba untuk berbaik-baik dengan pentadbiran SBBUB tidak diendahkan. Kejahilan pentadbiran SBBUB terhadap kedudukan beliau telah menyebabkan kehadiran beliau tidak diberi perhatian. Ini dibuktikan dengan mengambil jalan mudah menyelesaikan kes tersebut dengan menangkap beliau tanpa perlu mendengar penjelasan atau setidaknya bertemu dengannya.⁸ Ini menyebabkan Mat Salleh ingin berjumpa dengan pihak SBBUB.

Hasrat Paduka Mat Salleh terhalang apabila Alexander Cook selaku Pemangku Gabenor tidak mahu berjumpa dengan beliau. Cook berpendapat Paduka Mat Salleh adalah tidak lebih dari seorang penjenayah dan tidak wajar dilayan. Hal ini amat berkait rapat dengan pengenalan *Village Ordinance 1894* yang telah merubah status pemimpin tempatan. Beliau masih dapat bersabar dengan sikap Cook ini dengan tidak mengambil tindakan terburu-buru. Beliau menunggu di Buli Sim-Sim dengan harapan Cook mengubah pendiriannya. Namun usaha ini sia-sia dan beliau terpaksa meninggalkan tempat tersebut bersama-sama para pengikutnya dengan 26 buah perahu. Berita tentang kunjungan Paduka Mat Salleh bersama dengan para pengikutnya ke Sandakan juga telah disalah anggap oleh pihak British. Pihak British beranggapan bahawa Paduka Mat Salleh bertindak mencabar kekuasaan pentadbiran SBBUB. Justeru, satu pasukan Polis telah dihantar ke Pulau Jambongan yang diketuai oleh Residen E.H. Barraut dan Jones pada 29 Ogos 1895. Walau bagaimanapun, rombongan ini gagal menemui Paduka Mat Salleh sebaliknya mengalami demam malaria dan ada di antara mereka telah maut. Hanya dua batang payung kuning saja yang dapat dirampas. Sebagai tindak balas awal Paduka Mat Salleh, beliau dan pengikutnya telah menyerang balas dengan membakar kedai di Kampung Tatabuan. Tindakan Paduka Mat Salleh ini memberi kesedaran kepada pihak SBBUB betapa penentangan Paduka Mat Salleh ini boleh membawa ancaman kepada kelincinan pentadbiran SBBUB di Borneo Utara. Sebagai usaha menangani ancaman tersebut, tindakan awal SBBUB ialah dengan cara menawarkan hadiah sebanyak \$500 kepada sesiapa yang membawa kepada penangkapan Paduka Mat Salleh.⁹

Paduka Mat Salleh juga telah dilabelkan sebagai penjenayah yang amat dikehendaki oleh British dan status beliau sebagai penjenayah ini sewajarnyalah

penduduk tempatan tidak dibenarkan mengiktiraf Paduka Mat Salleh sebagai pemimpin masyarakat tempatan ketika itu. Tindakan pihak British melabelkan beliau sebagai penjenayah menyebabkan Paduka Mat Salleh ini telah bertindak membina kekuatannya dengan mengumpulkan para penyokong dan kelengkapan senjata. Perkembangan ini telah menggusarkan pihak SBBUB dan bertindak menghantar W. Raffles Flint untuk menangkapnya. Sebaliknya Paduka Mat Salleh pula telah terlebih dahulu menyerang Flint berdekatan dengan Peranhengen. Sehingga bulan Mac 1897 Flint hanya berjaya memusnahkan dua kubu Paduka Mat Salleh di Sungai Limbawan dan Padang di Sugut. Tindakan British menyerang kubu Paduka Mat Salleh di Limbawan dan Sugut menyebabkan beliau telah mengubah kubu pertahanannya ke kawasan pedalaman iaitu di kawasan Ranau. Kemunculannya di Ranau pada 10 Februari 1897 telah menarik ramai pengikut dari etnik Dusun. Berita ini juga telah meningkatkan kekuatannya di Inanam. Perkembangan terbaru ini menyebabkan SBBUB terpaksa mengaktifkan semula usaha pemburuan dan penangkapan Paduka Mat Salleh. Pada 23 Februari, tentera British menyerang Ranau dan dipercayai telah mengorbankan ayah Paduka Mat Salleh.

Gambar 2: W.R. Flint, Pegawai Pasukan Konstabulari Borneo Utara



Sumber: Ehsan Jabatan Arkib Negeri Sabah

Kekalahan pertama Paduka Mat Salleh di Ranau menyebabkan beliau bertindak balas dengan serangan dan pembakaran pusat pentadbiran SBBUB di Pulau Gaya pada 9 Julai 1897. Serangan balas ini berjaya dilakukan dengan sokongan para pengikutnya dari Inanam. Sejumlah senjata, peluru, perahu dan barang dagangan telah berjaya dirampas. Dimalukan di Pulau Gaya, British telah menyerang, membakar dan memusnahkan rumah serta tanaman di Inanam pada

15 dan 16 Julai 1897.¹⁰ Tindakan ini dilihat sebagai membala dendam terhadap serangan ke atas Pulau Gaya.

Seterusnya pada bulan November 1897, Paduka Mat Salleh bersama-sama dengan para pengikutnya dari etnik Bajau, Irranun dan Suluk Kota Belud dan Pirasan telah menyerang Ambong. British yang sememangnya telah lama meningkatkan kawalan di Ambong telah berjaya mempertahankan Ambong. Walaupun demikian bangunan Pejabat Daerah telah musnah dalam serangan tersebut. Selepas gagal mengalahkan British di Ambong, Paduka Mat Salleh berundur sekali lagi ke Ranau. Namun demikian, serentak dengan itu, dua pasukan polis British telah dihantar ke Ranau iaitu dari Teluk Abai yang dipimpin oleh Hewett, Ormsbay, P. Wise dan Jones bersama 38 polis Sikh. Usaha menangkap Paduka Mat Salleh terus digiatkan lagi apabila pada 7 dan 8 Januari 1898 British melakukan serangan ke kubu Paduka Mat Salleh di Ranau. Namun kebijakan Paduka Mat Salleh dalam menghidu serangan pihak SBBUB itu ternyata berjaya apabila sebelum serangan tersebut dilakukan, Paduka Mat Salleh dan pengikutnya telah mlarikan diri ke Tambunan. Kegagalan SBBUB menangkap Paduka Mat Salleh di Ranau menyebabkan penduduk tempatan telah dihukum memandangkan menurut SBBUB, penduduk kampung di Ranau banyak membantu Paduka Mat Salleh untuk melepaskan diri dari ditangkap oleh pasukan Hewett, Ormsbay, P. Wise dan Jones. Sebagai hukuman, penduduk Ranau telah diarahkan membina bangunan pentadbiran SBBUB dan menjadi buruh tanpa upah bila-bila masa khidmat mereka diperlukan.¹¹

Gambar 3 : Ambong, Kawasan Pentadbiran British yang diserang oleh Mat Salleh pada tahun 1897



Sumber: Ehsan Jabatan Arkib Negeri Sabah

Kempen memburu Paduka Mat Salleh dan para pengikutnya yang memakan masa yang agak panjang bukan sahaja telah menelan perbelanjaan yang besar tetapi juga telah mengorbankan ramai pegawai serta anggota tentera dan polisnya. Lantaran itu, British mula merubah pendekatannya dalam berhadapan dengan beliau. British yang terkenal dalam membuat perjanjian dalam sejarah imperialisme dan kolonisasikan mereka di mana jua pun telah mengatur satu perjanjian dengan Paduka Mat Salleh. Perjanjian yang tidak lebih dari satu perangkap untuk memusnahkan pengaruh dan kepimpinan Paduka Mat Salleh.

Perjanjian Menggatal, 23 April 1898

Perjanjian Menggatal memberi erti yang besar dalam sejarah penentangan Paduka Mat Salleh terhadap penjajahan British. Perjanjian ini merupakan satu-satu perjanjian yang besar pernah ditandatangani kuasa Barat ini dengan penduduk tempatan untuk mengesahkan kewujudan kuasa mereka di Sabah. Sebelum ini perjanjian hanya dibuat di antara Sultan Brunei dan Sultan Sulu dalam usaha mereka untuk memperoleh Sabah. Perjanjian Menggatal juga boleh dianggap sebagai perjanjian yang sebenar dalam menentukan kekuasaan British bukan sahaja ke atas tanah Sabah tetapi juga penduduknya.

Gambar 4: Kg. Pulutan Menggatal, tempat pertemuan Mat Salleh dengan W.C. Cowei pada tahun 1898



Sumber: Ehsan Jabatan Arkib Negeri Sabah

Kesediaan British untuk membuat perjanjian dengan Paduka Mat Salleh amat bermakna kepada pemerintah tradisi di Borneo Utara. Ia adalah satu pengiktirafan ke atas kewujudan entiti politik di negeri ini. Paduka Mat Salleh secara tidak langsung diangkat sebagai pemimpin tempatan yang paling utama dan berpengaruh. Perjanjian ini juga merubah pelabelan beliau dari seorang penjenayah

kepada seorang pemimpin dan kemudiannya pemberontak dalam sejarah British di Borneo Utara. Manakala sejarah moden Sabah dan Malaysia umumnya meletakkannya sebagai seorang pejuang yang berusaha mempertahankan harga diri dan kedaulatan negeri ini.

Pada 28 Mac 1898, Pengarah Urusan SBBUB, William Clark Cowie dan Beaufort telah mengutus surat kepada Paduka Mat Salleh untuk mengatur satu pertemuan dalam usaha mencari penyelesaian kepada sengketa di antara kedua belah pihak.¹²

Pertempuran Terakhir di Tambunan, 1899-1900

Kesediaan Paduka Mat Salleh untuk menetap dan memimpin masyarakat peribumi di kawasan pedalaman yang berpusat di Tambunan menunjukkan beliau tidak mengira etnik untuk membina satu entiti politik yang harmoni dengan berbilang etnik. Perkara ini merupakan satu titik awal kewujudan sebuah kawasan pentadbiran pemimpin tempatan dengan penduduknya yang berbilang etnik.¹³ Atas alasan inilah, British mencemburui beliau sebagai pemimpin yang berjaya dan menonjol.

Usaha beliau dalam mengamankan persengketaan tradisi antara dua kumpulan etnik Dusun di Tambunan merupakan satu usaha yang murni tanpa niat kepentingan peribadi atau menyebelahi mana-mana etnik. Namun apabila puak Dusun Taga'as yang berpusat di Kampung Tibabar menyertai Paduka Mat Salleh, puak Dusun Tiawan yang lebih dahulu menetap di Tambunan melihatnya sebagai satu perikatan. Walhal, ianya adalah persetujuan puak Taga'as untuk menerima Paduka Mat Salleh sebagai pemimpin mereka. Sikap puak Dusun Tiawan yang memusuhi puak Taga'as tidak mahu menerima kepimpinan Paduka Mat Salleh menyebabkan puak Taga'as melihat mereka sebagai musuh kepada pemimpin rasmi di Tambunan. Ditambah lagi dengan wujudnya pengikut beliau yang menjadi 'duri dalam daging' pentadbiran beliau di Tambunan yang di antaranya ialah Abdul Rahman dan Kalib Banjam. Justeru, sengketa berterusan apabila puak Taga'as menyerang, membunuh, merampas harta benda dan ternakan malah didakwa menculik wanita kumpulan puak Dusun Tiawan. Paduka Mat Salleh berusaha untuk mengamankan situasi ini.¹⁴

Usaha ini masih belum dapat memuaskan hati puak tersebut menyebabkan pentadbiran SBBUB mengambil kesempatan untuk menjatuhkan seterusnya menamatkan kepimpinan beliau. Satu hasrat yang sekian lama terpendam dalam pentadbiran British di Borneo iaitu menamatkan sebarang kekuasaan kepimpinan tradisi yang bukan dicipta oleh mereka. Paduka Mat Salleh memberi kerjasama dengan pentadbiran SBBUB dan puak Dusun Tiawan dengan merobohkan beberapa stesen pertahanannya. Manakala di pihak SBBUB pula bersetuju menghalau dua individu yang dikenal pasti menjadi dalang kepada permusuhan kedua puak tersebut. Usaha ini tidak dapat membendung permusuhan di antara dua puak Dusun berkenaan.

Untuk itu pentadbiran SBBUB menggunakan pendekatan provokatif dalam memusnahkan kesabaran Paduka Mat Salleh. Ini jelas apabila Fraser mengarahkan diwujudkan pejabat pentadbiran di Tambunan sebagai tanda rasmi campur tangan urusan pentadbirannya di kawasan tersebut. Pendekatan SBBUB ini berjaya kerana menimbulkan kemarahan Paduka Mat Salleh yang mengakibatkan beliau memutuskan hubungan dengan pentadbiran British. British mendakwa bahawa

surat telah dihantar kepada Paduka Mat Salleh dalam menyelesaikan isu tersebut. Walhal dalam masa yang sama beliau tidak mahu menerima sebarang hubungan dengan British lagi. Tindakan ini dianggap memungkiri syarat Perjanjian Menggatal di pihak Paduka Mat Salleh. Apa yang jelas ialah pentadbiran SBBUB telah terlebih dahulu melanggar syarat Perjanjian Menggatal dalam soal pentadbiran Paduka Mat Salleh di Tambunan.¹⁵

British kemudiannya mengarahkan Kapten C.H. Harrington menyerang Tambunan. Pasukan beliau dibantu oleh Dansey, F.W. Fraser, A.R. Dunlop, F.G. Atkinson dan Conyngham, seorang doktor. Pasukan ini mempunyai kekuatan seramai 140 orang dengan dilengkapi meriam 7-pounder dan mesingun. Mereka tiba pada 31 Disember dan membina pangkalan pertama di Kampung Timbau. Mereka terpaksa bertempur sebanyak dua kali dengan para pengikut Paduka Mat Salleh. Pada 1 Januari 1900, Harrington menyerang stesen pertahanan Paduka Mat Salleh yang dikenali sebagai *Horne's Nest* dan berjaya membunuh empat orang pengikut Paduka Mat Salleh. Menjelang 19 Januari 1900, pasukan yang diketuai oleh Densey, Dunlop dan Fraser telah berjaya sampai kira-kira suku kilometer ke kubu Paduka Mat Salleh. Pada masa yang sama Harrington terus membedil dari Kampung Toboh. Pada 21 Januari, bedilan dilakukan terus menerus dari Kampung Toboh dan Kampung Kelansatan. Stesen pertahanan utama yang diketuai oleh Mat Satur musnah dalam serangan tersebut mengorbankan lapan orang pengikutnya. Stesen pertahanan ini dianggap yang benteng terpenting untuk mempertahankan kubu Paduka Mat Salleh. Harrington telah menggunakan tapak stesen ini sebagai pangkalan ketiga serangannya ke atas kubu Paduka Mat Salleh. Untuk itu kubu tersebut diserang dari tiga lokasi ditambah dengan polis bantuan dari Labuan. Dua pangkalan serangan diwujudkan lagi di kampung Salong dan Tinompok. Pada jam 2 pagi, 1 Februari 1900 seorang wanita Bajau yang dikenali sebagai Niuk telah berjaya ditangkap yang ketika melarikan diri ke Kampung Toboh dari kubu tersebut. Wanita tersebut mendakwa bahawa dia terpaksa melarikan diri kerana tiada lagi bekalan makanan di kubu tersebut. Malah beliau mendakwa bahawa Paduka Mat Salleh telah terkorban pada hari sebelumnya.

Gambar 5: A.R. Dunlop, Pegawai British yang Terlibat Dalam Banyak Pertempuran dengan Mat Salleh




Sumber: Ehsan Jabatan Arkib Negeri Sabah

Maklumat ini membawa kepada serangan terakhir dan penawanan kubu tersebut pada jam 5 pagi di hari yang sama. Pengikut Paduka Mat Salleh tidak ramai yang berada di kubu tersebut ketika polis British menyerbu masuk ke dalamnya. Harrington kemudiannya mengesahkan mayat Paduka Mat Salleh yang didakwa telah terbunuh. Bagi mengesahkan mayat Paduka Mat Salleh, beliau telah mengarahkan identifikasi dilakukan oleh Fraser dan beberapa orang Murut serta Dusun yang pernah bertemu atau mengenali Paduka Mat Salleh. Pengesahan kematian beliau kemudian dilaporkan oleh Clifford yang menggantikan Beaufort. Berita kematian Paduka Mat Salleh telah disiarkan dalam *British North Borneo Herald* pada keluaran 16 Mac 1900.¹⁶

Persoalan sama ada mayat yang telah diidentifikasi sebagai mayat Paduka Mat Salleh benar atau tidak sentiasa menjadi perdebatan ahli sejarah tempatan dan masyarakat Sabah umumnya. Dakwaan yang mengatakan beliau berjaya melarikan diri sebelum serangan terakhir Harrington masih belum dapat dipastikan kebenarannya. Apa yang jelas ialah, semua laporan pertempuran selepas jatuhnya Tambunan tidak ada yang menyebut nama beliau. Semua serangan telah diketuai oleh para pengikut kanannya yang masih setia.

Peta 1: Pergerakan Mat Salleh Ketika Menentang British (1894-1900)



Analisis Perjuangan Datu Paduka Muhamad Salleh Dari Pandangan Alam Islam

Satu persoalan yang muncul dalam perbincangan perjuangan Paduka Mat Salleh ialah adakah beliau boleh dikategorikan sebagai pejuang Islam dan apakah perjuangannya menentang pihak SBBUB didasari oleh faktor agama Islam. Seraya dengan itu beliau mampu digelar sebagai syuhada (mati syahid). Persoalan-persoalan sebegini (bagi sesetengah pihak), ada kalanya terlalu luhur untuk diputuskan lantaran ianya hanya mampu dijawab oleh Allah S.W.T. yang Maha Mengetahui. Ianya juga bersangkut paut dengan persoalan niat dan tindakan para pejuang itu sendiri. Sudah tentu para pengkaji sekarang yang tidak berada sezaman dengan Paduka Mat Salleh agak sukar merungkaikan persoalan ini. Penulis berpandangan, satu perkara yang menyebabkan persoalan tersebut sukar dijawab, khusus dalam kalangan masyarakat Islam di Nusantara ialah berkaitan pandangan masyarakat itu sendiri. Masyarakat hanya melihat persoalan perjuangan Islam hanya dekat dengan para ulama, tok guru, ahli sufi dan seumpamanya. Manakala pejuang-pejuang yang lain agak tidak dikaitkan dengan perjuangan Islam, jika pun ada, mungkin hanya sebagai pejuang nasionalis. Sedangkan harus diyakini bahawa semua perjuangan yang menentang unsur luar yang merosakkan kerukunan bermasyarakat seharusnya tidak dike sampingkan, sekurang-kurangnya selepas dilakukan pengkajian.

Dalam memperkatakan peranan agama Islam terhadap penentangan pihak kolonial di Tanah Melayu (termasuk Borneo), Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali berpandangan bahawa peranan tersebut adalah tidak dapat dinafikan. Namun demikian, tahap kekuatan peranan agama tersebut adalah berbeza antara satu sama lain, sehingga perbezaan ini kadangkala menimbulkan kesukaran untuk dikenal pasti. Dengan mengambil contoh beberapa orang pejuang termasuk Paduka Mat Salleh, oleh kerana pemimpin tersebut adalah beragama Islam, maka sukar untuk menafikan pengaruh dan peranan Islam dalam perjuangan mereka. Namun, pengaruh dan peranan agama Islam dalam perjuangan mereka kadangkala tidak begitu menonjol.¹⁷

Namun, sebagai manusia, Allah S.W.T. memberikan akal fikiran untuk menilai, mengkaji dan menyelidik sesuatu peristiwa agar ianya dapat diperbetulkan (jika terdapat kesilapan) dan dimanfaatkan oleh generasi masa kini. Persoalan perjuangan Paduka Mat Salleh adalah persoalan sejarah yang harus dirungkaikan dengan kaedah-kaedah pengkajian sejarah yang telah dipersetujui. Jika ianya ingin dilihat dari sudut alam Islam, beberapa kriteria harus diadunkan bersama antara aspek pengajian Islam dan pengkajian sejarah. Maka muncullah pandangan sejarah yang diterjemahkan dari pandangan alam Islam dan alam Melayu (*Islamic Worldwide and Malay Centric*). Begitu jualah yang dilakukan oleh para pengkaji Barat di ketika dulu dalam menterjemahkan perjuangan Paduka Mat Salleh menentang SBBUB. Nilai Barat diadunkan dengan pengkajian mereka yang dianggap ilmiah, maka timbulah anggapan dan gelaran terhadap Paduka Mat Salleh sebagai seorang pemberontak, lanun, pengacau dan pelbagai gelaran yang buruk lagi (namun ada pengkaji Barat yang berlaku jujur dalam fakta dan pentafsiran). Persoalannya bukan fakta babak-babak perjuangan Paduka Mat Salleh (yang jika pun hendak diselewengkan tapi dalam jumlah yang sangat sedikit), namun pentafsiran berdasarkan pandangan Barat (*Western Centric*) itu yang banyak meresahkan kita dewasa ini (khususnya bagi masyarakat Islam). Semua ini timbul atas tunjang kejujuran membawa nilai-nilai keadilan dalam membicarakan persoalan sesebuah

masyarakat. Ianya dilihat sangat sukar (walaupun ada) berlaku kerana para pengkaji Barat membawa status “penjajah” yang begitu memandang rendah terhadap masyarakat tempatan.

Untuk menjawab persoalan di atas, pengkaji haruslah merujuk kepada konsep kebangkitan Islam yang dirangkum di dalamnya ciri-ciri pejuang Islam. Ianya penting agar penilaian kita terhadap seseorang pejuang itu berdasarkan landasan yang ditetapkan oleh agama Islam. Kebangkitan Islam bolehlah disimpulkan sebagai usaha-usaha oleh para pejuang Islam (selalunya digelar sebagai mujaddid dan reformis) untuk mengembalikan nilai-nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah yang telah dicemari oleh unsur-unsur luar. Ianya boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu secara fizikal (senjata) dan intelektual. Malik bin Nabi menjelaskan (juga beberapa sarjana Islam yang lain) bahawa unsur *al-Amr al-Ma'ruf wa an-Munkar* (seruan terhadap perkara yang baik dan mencegah dari perkara yang mungkar) harus mendasari perjuangan ini.¹⁸ Unsur ini kelihatannya banyak mendasari para pejuang di alam Melayu ini. al-Maududi pula menjelaskan bahawa nilai Barat yang berunsurkan sekularisme harus ditentang bersungguh-sungguh kerana ianya membawa keruntuhan nilai akhlak di dalam masyarakat Islam.¹⁹ Konsep kebangkitan Islam juga sinonim dengan konsep jihad yang banyak diperkatakan di dalam al-Quran. Kita akan melihat konsep jihad secara mendalam dalam membicarakan dan menganalisis perjuangan Paduka Mat Salleh dalam isi perbincangan seterusnya.

Merujuk kepada konsep kebangkitan Islam yang diutarakan di atas, terkandung ciri-ciri yang harus ada dalam perjuangan bagi mengesahkan diri pejuang tersebut berada dalam kategori pejuang Islam (bersesuaian dengan tajuk dari pandangan alam Islam). Pertama, pejuang tersebut haruslah seorang Islam. Kedua, usahanya ialah untuk mengembalikan nilai-nilai Islam berdasar al-Quran dan al-Sunnah (walaupun tidak sempurna dari sudut amalan namun aqidahnya jelas) dari sebarang unsur-unsur luar yang tidak bersesuaian. Ketiga, seorang yang berkarsma yang mengamalkan proses penyeronan kepada kebaikan (membawa manfaat kepada masyarakat) dan mencegah keburukan (yang membawa kepada kemudarat kepada masyarakat).

Keperibadian dan Latar Belakang Paduka Mat Salleh Berhubungan Asas Islam

Persoalan keperibadian Paduka Mat Salleh harus diselidiki terlebih dahulu dalam pembicaraan ini. Ianya penting agar penilaian yang akan dilakukan benar-benar tepat mengikut tujuan yang dikehendaki. Boleh dikatakan kebanyakan sumber sejarah menjelaskan bahawa Paduka Mat Salleh adalah seorang Islam yang berketurunan campuran Sulu dan Bajau. Bapanya Datu Balu adalah ketua masyarakat Sulu di kawasan Sungai Sugut, Sandakan. Manakala ibunya berketurunan Bajau yang berasal dari Inanam. Jika ditemui, pengaruh Islam di pantai barat Sabah telah sampai pada abad ke 15 Masihi lagi. Pengaruh kesultanan Sulu dalam penyebaran agama Islam juga tidak harus dikesampingkan.

Bolehlah dikatakan bahawa keluarga Paduka Mat Salleh adalah keluarga Islam yang berpegang kepada nilai Islam dalam kehidupan mereka. Walaupun begitu amalan adat-istiadat (ada yang bertentangan dengan Islam) masih juga diamalkan lantaran telah sebatik diri mereka, namun persoalan aqidah yang mereka anuti adalah jelas merupakan aqidah Islam. Hal berkaitan pengamalan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat tradisi dahulu jelas menunjukkan

ketidaksempurnaan. Namun hal sedemikian tidak mampu menidakkannya kejelasan aqidah mereka yakni Islam. Profesor Mohamad Abu Bakar dalam hal ini jelas mengatakan bahawa penyebaran dan penyerapan kefahaman Islam di Nusantara (alam Melayu) adalah sangat perlahan yang dipenuhi oleh unsur-unsur khurafat dan bidaah. Menurutnya penerimaan Islam sebagai pandangan dunia tauhid mungkin suatu transformasi radikal, tetapi pergerakan manusia yang mengiringi perubahan ini tidak semestinya suatu perjalanan revolusioner. Tambahnya lagi, kita tidak menolak bahawa masyarakat ketika itu disaluti oleh kecemeran dalam kehidupan akidah, kekalutan dalam kehidupan beribadat, kedangkalan ilmu Islam dan kerendahan budi berterusan hingga sekarang. Dunia puaka dan penunggu, pelesit dan polong, dan hantu bungkus dan hantu bangkit adalah sebahagian dari alam kehidupan mereka. Analoginya beliau menjelaskan situasi ketika itu seperti berikut,

Kehidupan Islam di sepanjang sejarah (alam Melayu) sesungguhnya menyerupai pengaliran lesu sebuah sungai, dengan segala muatannya, termasuk sampah sarap, yang terpaksa dibawa bersama menuju ke muara.²⁰

Dalam aspek kepimpinan pula, kebanyakannya catatan sejarah dan cerita rakyat menjelaskan karisma yang terdapat pada diri Paduka Mat Salleh selaku ketua di kawasan tersebut. Jamdin Buyong menjelaskan bahawa Paduka Mat Salleh merupakan seorang penganut Islam yang berpegang teguh kepada ciri-ciri hidup yang mulia di sisi agama dan masyarakatnya. Sehingga faktor inilah menyebabkan beliau sama sekali tidak dapat menerima nilai-nilai Barat yang cuba diserapkan dalam masyarakat peribumi.²¹

Di samping cerita-cerita rakyat (yang belum diketahui kebenarannya) berkaitan kuasa kebatinan yang ada pada Paduka Mat Salleh, beliau juga pernah dianggap seorang nabi oleh masyarakat tempatan.²² Manakala Black menganggapnya sebagai “*New Mahdi for Sulus*”.²³ Gelaran-gelaran seperti nabi dan Mahdi (merujuk kepada Imam Mahdi) merupakan gelaran yang begitu tinggi dalam konsep teologi Islam. Ini menunjukkan di samping memiliki ciri-ciri kesaktian luar biasa yang menjadi pra-syarat seorang ketua bagi masyarakat peribumi pada ketika itu, Paduka Mat Salleh juga adalah seorang pemimpin yang menjaga kehormatan agama Islam dan umatnya (di wilayah jajahannya). Pengiktirafan ini tidak terhad kepada masyarakat yang beragama Islam sahaja, namun menjangkaui pelbagai kaum yang bukan beragama Islam (rata-ratanya menganut pagan). Ini menunjukkan persoalan kebaikan dan karisma seorang pemimpin yang bersikap adil (seperti juga yang disarankan oleh ajaran Islam) akan mendapat kepercayaan dari manusia melangkaui kepercayaan agama.

Mengenai tanggapan bahawa agama Islam bukan menjadi asas kepada kebangkitan Paduka Mat Salleh lantaran mendapat sokongan dari pelbagai kaum adalah tidak timbul kerana Islam merupakan pendukung kepada keadilan sejagat. Paduka Mat Salleh merupakan pemimpin negeri dalam konteks Sabah ketika itu. Boleh dikatakan kebanyakannya pengikut (rakyat) di wilayah Sungai Sugut di Sandakan adalah beragama Islam. Ini kerana suku kaum yang menduduki wilayah tersebut adalah di kalangan suku Bajau, Irranun dan Suluk yang telah menerima agama Islam sejak sekian lama. Sokongan dari kaum Kadazandusun hanya diterima

ketika Paduka Mat Salleh pergi ke Ranau dan Tambunan. Kebanyakan mereka adalah beragama pagan.

Dalam konteks Islam, kepelbagaian kaum dan agama di kalangan masyarakat telah diterjemahkan dalam konsep Ummah. Hal ini telah diamalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sewaktu membentuk kerajaan Madinah lagi. Masyarakat bersatu di bawah kepimpinan Rasulullah s.a.w. dan mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam mempertahankan maruah negara. Walaupun menjadi dasar pemerintahan, agama Islam tidak dipaksa untuk dianuti oleh masyarakat bukan Islam. Paduka Mat Salleh bukannya Nabi yang begitu sempurna sifatnya, namun kepelbagaian kaum yang menyokong beliau tidak mempunyai asas untuk menidakkann peranan agama Islam yang berkongsi nilai-nilai keadilan sejagat yang diiktiraf oleh semua manusia. Oleh kerana itu, perjuangan menentang pihak SBBUB oleh pihak Paduka Mat Salleh adalah penentangan memperjuangkan keadilan sejagat yang didukung oleh ajaran Islam. Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa asas Islam dalam perjuangan Paduka Mat Salleh adalah jelas.

Penentangan Paduka Mat Salleh Terhadap SBBUB

Dalam membicarakan persoalan penentangan Paduka Mat Salleh di Sabah, ianya tidak harus dilihat sesuatu yang terpisah dengan tujuan-tujuan Kuasa Barat dalam aktiviti penjajahannya khususnya ke wilayah umat Islam. Malahan berdasarkan tindakan-tindakan atau strategi pihak SBBUB dalam menghadapi perjuangan Paduka Mat Salleh (dan pejuang Islam yang lain) di Sabah, jika diamati khususnya dari pandangan alam Islam, jelas memperlihatkan tujuan untuk menjayakan faktor 3 G seperti yang disebutkan di atas. Oleh kerana itu, faktor-faktor yang menyebabkan penentangan Paduka Mat Salleh, ianya seiringan dengan faktor penjajahan pihak SBBUB. Di pihak SBBUB pula, tidak keterlaluan jika dikatakan faktor-faktor penjajahan ini saling berkaitan antara satu sama lain dan sukar untuk dipisahkan.

Manakala dipihak Islam pula, tujuan penurunan syariah Islam (undang-undang Islam) yang menjaga agama, jiwa, akal harta dan maruah (*Maqasid al-Syar'iyyah*) memperlihatkan pemisahan antara agama dengan aspek yang lain adalah sesuatu yang tidak realistik dalam memperkatakan perjuangan Paduka Mat Salleh. Semuanya akan diadunkan di bawah payung agama (sebagai “*The Way of Life*”).

Faktor Agama

Sebagai seorang pengikut Islam, kebangkitan Paduka Mat Salleh menentang SBBUB harus diteliti dari aspek agama Islam itu sendiri. Seperti yang telah diterangkan, perjuangan Paduka Mat Salleh mempunyai asas agama yang didasarinya. Namun, disebabkan rata-rata sumber sejarah mengenai perjuangan beliau ditulis oleh penulis-penulis Barat (yang sezaman atau berhampiran), maka persoalan-persoalan agama agak dikesampingkan, sama ada dipihak beliau atau SBBUB. Hal berkenaan adalah lumrah bagi pihak Barat dalam aktiviti penjajahan mereka. Persoalan-persoalan agama yang dianggap suci oleh manusia tidak harus ditimbulkan. Jika ditimbulkan, ianya akan membawa kepada perpaduan masyarakat Islam dalam menghadapi mereka. Di Tanah Arab misalnya, diambil Perang Dunia Pertama, persoalan-persoalan agama ini dinafikan bagi meraih sokongan pemimpin Arab dan mengelak perpaduan Umat Islam dalam usaha

mereka meruntuhkan Empayar Uthmaniyyah. Penentangan terhadap Empayar Uthmaniyyah dihebahkan sebagai penentangan terhadap kezaliman. Alternatifnya, jalan diplomasi atau beberapa perjanjian dilakukan. Selepas itu barulah pendekatan ketenteraan dilaksanakan.

Persoalan agama dalam sejarah penjajahan Kuasa Barat di wilayah Umat Islam adalah merupakan suatu sejarah yang panjang. Semangat yang disimpulkan sebagai “*God, Gold and Glory*” menunjukkan kesahihan motif berkenaan. Jelasnya, Kuasa Barat ini datang dengan semangat agama, yakni reaksi kepada peperangan Salib (antara Islam dan Kristian) pada abad ke 11 hingga ke 14 Masihi.²⁴ Beberapa slogan bagi memurnikan pandangan dunia terhadap aktiviti penjajahan telah di sebarkan. Slogan “*White Man Burden*”, “*Manifest Destiny*”, “*Mission Civilisatrice*” adalah di antaranya bagi menunjukkan kepada dunia mereka adalah berniat baik, bertimbang rasa dan berperikemanusiaan. Usaha mereka direstui oleh pihak tertinggi gereja yang mengisyiharkan satu fatwa (*Bull*) bagi melaksanakan tugas tersebut. Meskipun begitu, bukti-bukti sejarah menunjukkan bahawa dalam usaha “mentamadunkan dunia”, kekerasan, pembunuhan, penghambaan dan kekejaman telah berlaku terhadap masyarakat yang dijajah.²⁵

Penyebaran agama Kristian adalah sinonim dengan kegiatan penjajahan Barat di wilayah-wilayah yang dijajah. Rata-ratanya, di setiap pelosok dunia yang dijajah (khususnya wilayah umat Islam) berlaku aktiviti tersebut. Di Sabah khususnya, apabila bertapaknya British pada pertengahan abad ke 18 Masihi, nilai-nilai kehidupan Barat telah diserapkan di segenap aspek pemerintahan mereka. Tujuannya (jika ditinjau dari sudut agama), supaya memudahkan penerimaan masyarakat terhadap agama Kristian. Pertapakan SBBUB di Sabah memperkuatkannya kedudukan agama Kristian sekali gus menjadikannya sebagai agama yang dominan dalam tempoh penjajahan mereka. Ini kerana ramai mualigh Kristian datang dari Barat (dengan bantuan fizikal dan kewangan) untuk menjayakan tujuan tersebut. Dalam tempoh 40 tahun (1881-1920), usaha-usaha Kristianisasi yang dinaungi SBBUB telah berjaya menarik 2.7 peratus daripada penduduk negeri memeluk agama Kristian. Jumlah ini meningkat setiap tahun dan pada 1960, jumlah penduduk yang beragama Kristian ialah 75, 247 orang.²⁶ Jelas agama digunakan untuk merealisasikan tujuan kolonialis dan imperialis mereka. Jika diperhatikan, penyebaran agama Kristian ini berlaku dengan rancak di zaman Paduka Mat Salleh (dan zaman pejuang Islam sebelum serta selepasnya).

Menurut Low Kok On yang mengambil daripada catatan Wooley, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan Paduka Mat Salleh dan para pengikutnya yang beragama Islam (dari kalangan kaum Irranun, Bajau dan Sulu) berjuang atas nama Islam. Dalam satu operasi pasukan polis SBBUB yang diketuai oleh Barraut dan Jones di Pulau Jamboangan pada 29 September 1894, pihak SBBUB telah menemui beberapa alat kebesaran seperti payung kain sutera, panji-panji kebesaran dan lambang kebesaran yang lain yang mempunyai inskripsi yang berunsurkan Islam (kemungkinan kalimah-kalimah suci) di sebuah kubu Paduka Mat Salleh. Wookey menambah, ini menunjukkan bahawa Paduka Mat Salleh telah dianggap oleh penduduk tempatan sebagai pejuang Islam yang unggul di Borneo Utara. Fenomena ini sangat membimbangkan pihak SBBUB.²⁷ Kebimbangan ini disebabkan oleh kekhawatiran jika agama Islam dijadikan sumber kebangkitan dan perpaduan masyarakat Islam dalam penentangan terhadap SBBUB ketika itu. Jika ini terjadi, mengikut pengalaman mereka di wilayah Islam yang lain, sangat sukar untuk ditumbangkan. Oleh kerana itu, sebagai satu cara melemahkan semangat

agama ini, pihak SBBUB bersungguh-sungguh menghapuskan Paduka Mat Salleh yang dianggap sebagai pemimpinnya. Alasan-alasan dicari sebagai usaha memburukkan Paduka Mat Salleh seperti pengacau keamanan atau ketua penjahat. Hal yang sama juga berlaku terhadap pejuang-pejuang Islam yang lain seperti Datu Tating, Syarif Usman, Datu Baginda Puteh, Pangeran Usop, Haji Saman, Pak Musa dan Lain-lain lagi.

Satu perkara yang tidak boleh diketepikan apabila diketengahkan persoalan penyebaran agama Kristian di Sabah ialah persoalan pendekatan penyebaran. Jika diteliti, di Sabah mahupun di wilayah-wilayah Islam yang lain, pendekatan paksaan untuk menerima agama Kristian jarang dilakukan terhadap masyarakat Islam. Jika di zaman klasik dan pertengahan dahulu, pendekatan paksaan digunakan, namun, di era moden ini, pendekatan yang begitu licik digunakan. Pendekatan penerapan nilai-nilai Barat dilaksanakan ke dalam nilai-nilai masyarakat Sabah ketika itu. Bagi masyarakat pagan di pendalaman, mereka mula menerima nilai-nilai Barat (walaupun tidak secara menyeluruh) lantas menerima agama Kristian. Bagi masyarakat Islam, paksaan digunakan dalam sistem pentadbiran, ekonomi serta sosial bagi menjauhkan diri mereka dari ajaran Islam. Sinonimnya, pada ketika itu dan reaksi dari perasaan tidak puas hati masyarakat peribumi Islam dan pagan (kebanyakannya Islam) terhadap polisi keras SBBUB ini, mereka menyamakan nilai Barat dengan agama Kristian. Malah ada di kalangan pejuang yang menganggap perjuangan ini sebagai "Perang Sabil".

Faktor Politik

Sebelum kedatangan British, Sabah mempunyai tiga zon politik. Pertama, di bawah Kesultanan Sulu yang merangkumi kawasan pantai dari Teluk Marudu hingga Sungai Sibuku. Kedua, di bawah Kesultanan Brunei yang merangkumi kawasan pantai Pandasan hingga Kimanis. Ketiga, kawasan bebas dari kawasan pantai Pandasan hingga ke Teluk Marudu di bawah pembesar-pembesar yang bergelar "syarif" dan kawasan pendalaman yang dikuasai oleh ketua-ketua suku kaum. Dari ketiga-tiga zon ini, kebanyakan masyarakat Sabah ketika itu (terutama kawasan pertama dan kedua) di bawah kekuasaan Islam. Keseluruhan masyarakat ini mempunyai sistem politik tradisional yang teratur dan harmoni dengan mengimplementasikan nilai-nilai Islam dan adat.²⁸

Setelah pihak SBBUB memperoleh Sabah dari kesultanan Sulu dan Brunei pada sekitar akhir abad ke 19, usaha untuk mengukuhkan pengaruh politik telah dilaksanakan ke atas penduduk tempatan. Beberapa perjanjian telah dimeterai untuk merealisasikan matlamat ini. Satu persatu wilayah di Sabah diperoleh oleh pihak SBBUB sama ada di bahagian Pantai Timur atau di Bahagian Pantai Barat. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan ialah pendekatan pecah dan perintah. Bermula dari melepaskan Sabah dari kekuasaan besar Kesultanan Sulu dan Brunei, ketua-ketua suku telah menguasai wilayah-wilayah mereka (yang dianggap negeri) secara bersendirian.

Datu Balu, ayah kepada Paduka Mat Salleh merupakan ketua suku Sulu yang memegang kekuasaan politik di kawasan Sungai Sugut, Sandakan. Kepimpinan ini diwariskan kepada Paduka Mat Salleh bersesuaian dengan sifat kepahlawan dan karisma yang ada pada dirinya. Sebagai seorang pemimpin, beliau harus mengawal keselamatan masyarakat di wilayahnya. Rasa tidak puas hati Paduka Mat Salleh dan masyarakat tempatan bermula apabila sistem cukai kepala, cukai perahu dan

campur tangan dalam hal ehwal tempatan dilaksanakan oleh pihak SBBUB di Pulau Jamboongan. Paduka Mat Salleh dan pengikutnya pada 17 Ogos 1894 ke Sandakan untuk mengadu masalah ini kepada Gabenor Beaufort di Sandakan tetapi tidak dilayan.²⁹ Sebagai seorang pemimpin yang beragama Islam, Paduka Mat Salleh dianggap ancaman kepada politik SBBUB. Baginda haruslah di hapuskan agar penentangan tidak merebak. Pendekatan menghapuskan ketua-ketua suku (khususnya Islam) menjadi pendekatan yang paling berkesan kepada pihak SBBUB dalam memperkuatkan politik Barat di kalangan masyarakat peribumi.

Di kebanyakan wilayah Islam, ketua-ketua suku kaum Islam dipaksa untuk menerima kekuasaan politik penjajah. Jika tidak menerimanya, penangkapan atau pembunuhan akan dilakukan. Ini yang berlaku kepada Paduka Mat Salleh dan para pemimpin Islam yang lain. Penjajah sedar, jika pengaruh pemimpin ini dibiarkan, usaha untuk membaratkan masyarakat tempatan akan terbantut. Bagi Paduka Mat Salleh, keamanan berdasarkan nilai Islam dan nilai-nilai hidup tempatan harus dikenalkan. Dalam Suara PERKIM yang berjudul "Kebangkitan Datu Paduka Mat Salleh" mencatatkan bahawa Paduka Mat Salleh tidak dapat menerima nilai-nilai Barat yang telah menghapuskan pemerintahan Islam di Sabah.³⁰ Sikap cintakan tanah air (terangkum dalam aspek politik) merupakan perjuangan mulia dalam ajaran Islam. Hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud "Cintakan Tanah air sebahagian daripada Iman" menjadi pegangan Paduka Mat Salleh sehingga baginda terkorban di Tambunan pada 31 Januari 1900.

Bagi masyarakat pagan pula khususnya di kalangan kaum Kadazan/dusun, usaha perdamaian dilihat mudah dilakukan oleh pihak SBBUB. Penerimaan agama Kristian dilihat menjadi salah satu faktornya. Lantaran itu perpaduan di kalangan masyarakat peribumi agak tergugat. Ini jelas menunjukkan, bahawa agama Kristian yang disebarluaskan ketika itu (bukan di sepanjang waktu) ditambah dengan nilai-nilai Barat yang anti Islam. Sebelum penerimaan agama Kristian, kaum Kadazan/Dusun dianggap mempunyai semangat patriotisme yang tinggi melawan pihak SBBUB. Malah semasa Mat Saleh di Lembah Ranau, mereka bekerjasama dengan Paduka Mat Salleh membina kubu pertahanan. Malah ada yang turut berjuang dengan beliau.³¹ Namun, keadaan telah berubah apabila pada bulan Disember 1897, kira-kira 250 orang polis di kalangan orang Dusun dan Dayak menyerang kubu Paduka Mat Salleh tersebut.³² Selepas Paduka Mat Salleh berundur ke Tambunan, pihak penduduk Lembah Ranau mengadakan perjanjian perdamaian dengan SBBUB dan bersumpah tidak menentang kerajaan penjajah lagi.

Faktor Sosial dan Ekonomi

Paksaan nilai sosial dan ekonomi Barat ke dalam sistem masyarakat peribumi Sabah telah banyak menimbulkan kemarahan mereka. Budaya Barat adalah terlalu asing bagi mereka untuk menerimanya. Di pihak SBBUB, proses pembaratan ini begitu penting bagi melemahkan jati diri masyarakat peribumi. Bagi masyarakat Islam, proses ini haruslah di tentang kerana ianya akan melemahkan kekuasaan politik mereka dan agama Islam itu sendiri. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penyerapan nilai-nilai Barat akan memudahkan lagi penerimaan agama Kristian (yang diperalatkan oleh Kuasa Barat) di kalangan masyarakat. Lantaran itu, bagi Paduka Mat Salleh, ianya akan menggadaikan jati diri bangsa dan agama Islam.

Dari sudut ekonomi, Sabah ketika itu banyak mengandungi hasil-hasil bumi yang berharga seperti kayu balak, arang batu, emas, sarang burung dan sebagainya.

Keadaan ini menarik minat SBBUB untuk bertapak di Sabah. Ia juga berpunca dari keadaan yang berlaku di Eropah yang memerlukan sumber mentah untuk tujuan perindustrian. Polisi ekonomi kapitalis yang dijalankan oleh SBBUB telah menimbulkan rasa tidak puas hati Paduka Mat Salleh dan para pengikutnya. Bermula dengan pungutan cukai kepala dan perahu yang membebankan masyarakat peribumi, ianya menjangkau kepada penguasaan aktiviti perekonomian yang lebih meluas lagi di pihak SBBUB.

Bagi Paduka Mat Salleh, penguasaan ini merupakan suatu rompakan kepada sumber-sumber alam masyarakat peribumi. Aktiviti ini tidak langsung dikongsi (keuntungannya) dengan masyarakat tempatan. Dalam ajaran Islam, ia mengharuskan perjuangan dalam mempertahankan harta benda. Bagi pihak SBBUB, mereka bukan sahaja merampas hasil mahsul ini, namun hak wilayah (terdapat hasil tersebut) atau tanah juga turut dirampas. Sebenarnya dalam memperkatakan perjuangan Paduka Mat Salleh dalam kedua-dua aspek ini, ianya berhubungan rapat dengan persoalan politik dan agama seperti yang dinyatakan sebelumnya.

Bagi Paduka Mat Salleh sendiri, sebagai seorang pemimpin masyarakat yang bertanggungjawab ke atas semua ahli masyarakat di kawasan yang diketuainya, adalah wajar bagi beliau untuk mengutip cukai bagi tujuan pentadbiran. Dalam ajaran Islam sendiri juga ada memperuntukkan persoalan jizyah dan zakat yang diwajibkan ke atas ahli masyarakat yang berkemampuan, iaitu bagi tujuan perbelanjaan pentadbiran termasuk keselamatan dan keperluan bagi masyarakat berkenaan. Hal sedemikian cuba dimanipulasikan tanpa mempunyai sumber-sumber yang jelas yang menyatakan bahawa perjuangan Paduka Mat Salleh berjuang atas landasan peribadi khususnya berkaitan dengan cukai. Persoalan berkaitan begitu kabur yang terbuka untuk ditafsirkan oleh sejarawan.

Rumusan

Perjuangan Paduka Mat Salleh merupakan reaksi kepada proses penjajahan yang dilakukan oleh pihak Barat (SBBUB) terhadap masyarakat peribumi Sabah. Ianya berlaku dari segenap aspek kehidupan yang akhirnya melenyapkan kekuasaan masyarakat tempatan. Sesetengah sarjana cuba menjelaskan faktor manakah yang lebih dominan bersabit dengan motif penjajahan Kuasa Barat sama ada dari sudut agama, politik atau ekonomi. Bagi pandangan penulis, dari sudut pandangan Islam, adalah sukar untuk memisahkan antara ketiga-tiga elemen di atas. Ini kerana persaingan antara Barat dan Islam sudah berlaku sejak sekian lama yang didasari oleh faktor agama. Faktor inilah yang akan menjana faktor-faktor yang lain dalam proses penjajahan.

Begitu jugalah halnya dengan perjuangan Paduka Mat Salleh. Memang tidak dinafikan, terdapat pemimpin Islam yang berjuang atas kepentingan peribadi. Namun, tidak ada sebarang sumber yang mengaitkan perjuangan beliau dengan perjuangan bersifat peribadi. Semuanya dilakukan atas dasar maruah agama, negara dan anak bangsa.

Aktiviti penjajahan yang dilakukan oleh SBBUB telah membangkitkan semangat kepahlawanan Paduka Mat Salleh dan pengikutnya. Serangan-serangan yang dilakukan terhadap kepentingan SBBUB dan pihak berkuasa. Dalam Islam, penentangan ini wajib dilakukan yang bersangkut paut dengan persoalan jihad. Islam mengehendakinya umatnya bertindak jika dizalimi dengan segala strategi

dan peralatan peperangan yang mampu disediakan. Namun, jika perdamaian dipinta oleh pihak musuh demi kemaslahatan umum, ianya harus diterima dengan penuh berhati-hati. Semuanya ini dilakukan dalam perjuangan Paduka Mat Salleh.

Kelicikan politik penjajah telah berjaya memecahbelahkan masyarakat peribumi Sabah. Persoalan inilah yang sebenarnya menjayakan penjajahan SBBUB di Sabah. Nilai-nilai Barat yang disuntik masuk berjaya menghilangkan jati diri Islam dan peribumi umumnya. Maka satu demi satu para pejuang terkorban ke tangan penjajah termasuklah Paduka Mat Salleh. Walau bagaimanapun, jasa bakti perjuangannya dapat dirasai oleh masyarakat hingga ke hari ini. Perjuangannya masih disebut-sebut di pelbagai peringkat lapisan masyarakat.

Nota Hujung

- ¹ Tom and Barbara Harrison, *Prehistory of Sabah* (Kota Kinabalu: Sabah Society Journal, 1969-1970), hlm. 227.
- ² Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yasasan Sabah, 1985), hlm.11.
- ³ Ibid.
- ⁴ Wookey. W.K.C., *The Mat Salleh Rebellion*, no.VII (Sarawak: Sarawak Museum Journal, 1956), hlm.405.
- ⁵ R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh* (Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Sabah,1981), hlm. 30.
- ⁶ K.E.A Hiew & Thani bin Hashim, "Mat Salleh: Pahlawan Sabah Yang Teragung.", *Sabah Times*, 27 Jun 1981.
- ⁷ R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan*, hlm. 9-13.
- ⁸ F.G. Whelan, *Stories from Sabah History* (Hong Kong: Heinemann Educational Books, 1968), hlm. 22.
- ⁹ Owen Rutter, *The Pirate Wind* (Singapore: Oxford University Press, 1991), hlm. 11-18.
- ¹⁰ *British North Borneo Herald*, 19 Mac 1899.
- ¹¹ Ibid.
- ¹² *British North Borneo Herald*, 16 Februari 1900.
- ¹³ *British North Borneo Herald*, 16 Mei 1901.
- ¹⁴ *British North Borneo Herald*, 17 Mei 1915.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Abdullah Zakaria Ghazali, "Islam dan Anti Penjajah di Malaysia Kurun Ke-19," dlm. Farid Mat Zin (Ptytn.), *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19* (Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2007), hlm. 17.
- ¹⁸ Ali al-Quraisiy, *Malik bin Nabi dan Pergolakan Sosial*, Terj., Mohd Sofwan Amrullah, Jilid I (Kuala Lumpur: Yadim, 1996), hlm. 91.
- ¹⁹ Muhammad Mumtaz Ali, "The Concept of Modernization: An Analysis of Contemporary Islamic Thought," *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Vol. 14 no.1 (Spring 1997), hlm. 17-18.

- ²⁰ Mohamad Abu Bakar, "Tanah Melayu Abad Ke-19: Pengislaman Penjajahan dan Pemupukan Manhaj Melayu," dlm. Farid Mat Zin (Pytn.), *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19* (Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd., 2007), hlm. 2.
- ²¹ Jamdin Buyong, "Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat," Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, Kota Kinabalu, anjuran Yayasan Sabah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia, 12-16 Ogos 1981, hlm.34-35.
- ²² *British North Borneo Herald*, 16 September 1897.
- ²³ Ian Black, *A Gambling Style of Government* (Kuala Lumpur: Oxford University Press,1983), hlm. 139.
- ²⁴ Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini; Sejarah dan Aliran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987), hlm. 32.
- ²⁵ Fadhlullah Jamil, *Islam di Asia Barat Moden: Sejarah Penjajahan dan Pergolakan* (Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd., 2000), hlm. 12-13.
- ²⁶ Muhibbin Yusin, *Islam di Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), hlm. 11-13.
- ²⁷ Low Kok On, *Citra Wira Rakyat dalam Legenda Mat Salleh* (Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 2001), hlm. 33-34.
- ²⁸ Jamdin Buyong, *Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat*, Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, Kota Kinabalu, 12-16 Ogos, anjuran Yayasan Sabah dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia. 1981, hlm. 3-4.
- ²⁹ *British North Borneo Herald*, 16 September 1895.
- ³⁰ Low Kok On, *Citra Wira Rakyat*, hlm. 34.
- ³¹ R.M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan*, hlm. 73.
- ³² Buyong Adil, *Sejarah Sabah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), hlm. 19.